



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,  
Blok B, Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800  
Fax. : 09-513 4839  
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 3 (2)  
Tarikh : 14 April 2023

## SENARAI EDARAN

YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YH Dato'/ Tuan/ Puan,

### SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG

#### BILANGAN 1 TAHUN 2023

- Kelayakan Dan Pengurusan Kenderaan Kerajaan Serta Peraturan Penggunaan Bahan Api

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YH Dato'/ tuan/ puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sebagai makluman pihak YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YH Dato'/ tuan/ puan, pentadbiran ini telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bilangan 1 Tahun 2023- Kelayakan Dan Pengurusan Kenderaan Kerajaan Serta Peraturan Penggunaan Bahan Api berkuat kuasa serta merta mulai tarikh dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YH Dato'/ tuan/ puan boleh memuat naik surat pekeliling tersebut di **Laman Web Rasmi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang** untuk rujukan dan makluman selanjutnya.

3. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YH Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

---

**KELAYAKAN DAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN SERTA  
PERATURAN PENGGUNAAN BAHAN API**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan mengenai tatacara pengurusan kenderaan kerajaan yang meliputi kelayakan kenderaan pegawai serta peraturan umum penggunaan bahan api.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Tatacara pengurusan kenderaan yang diperuntukkan secara khas kepada Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pegawai Perkhidmatan Awam yang berkelayakan khususnya Kereta Rasmi Jawatan, Kereta Khas Jawatan dan Kereta Khas Pegawai telah digariskan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bilangan 1 Tahun 2019 – Kelayakan Kenderaan Kerajaan Serta Peraturan Umum Penggunaan Bahan Api.
- 2.2 Selaras dengan **Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, Pentadbiran ini mengambil inisiatif untuk memurnikan garis panduan yang telah dikeluarkan sebelum ini bagi tujuan rujukan jabatan-jabatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang.
- 2.3 Bagi tujuan pengurusan Kenderaan Jabatan (meliputi aspek penggunaan, penyenggaraan, kehilangan dan pelupusan kenderaan, tanggungjawab Pegawai Kenderaan dan Pemandu serta perkara-perkara lain yang berkaitan kesalahan lalulintas dan insurans), peraturan berkaitan Kenderaan Jabatan yang terkandung dalam **Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan** adalah diterima pakai sepenuhnya.
- 2.4 Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang Ke-13/2023 pada 4 April 2023 telah bersetuju meluluskan kelayakan pegawai yang dibekalkan kenderaan Kerajaan serta kelayakan jenis kenderaan Kerajaan.

### **3. TAFSIRAN**

- 3.1 Bagi tujuan pemakaian di peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang, tafsiran yang berkaitan di bawah hendaklah diikuti:
- 3.1.1 "Kenderaan Jabatan" ialah Kenderaan Kerajaan yang diperuntukkan untuk kegunaan gunasama Jabatan atau kenderaan kegunaan khas seperti kereta bomba, ambulans, kereta jenazah, kereta peronda polis dan seumpamanya;
  - 3.1.2 "Kereta Rasmi Jawatan" ialah kereta yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan jawatan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri, Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama/ Khas C dan ke atas atau yang setaraf termasuk Ketua-Ketua Jabatan Gred Utama/ Khas C dan ke atas;
  - 3.1.3 "Kereta Khas Jawatan" ialah kereta yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan kepada semua Ketua Jabatan dengan jawatan Gred 54 di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri;
  - 3.1.4 "Kereta Khas Pegawai" ialah kereta yang diperuntukkan khas kepada mana-mana pegawai yang diberikan kelulusan khas oleh Pihak Berkuasa Negeri;
  - 3.1.5 "Ketua Jabatan" ialah pegawai yang mengetuai sesebuah jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang;
  - 3.1.6 "Pegawai Kenderaan" ialah pegawai yang dilantik atau ditugaskan oleh Ketua Jabatan untuk menguruskan Kenderaan Kerajaan di Jabatan;
  - 3.1.7 "Pemandu Kenderaan Kerajaan" ialah pemandu yang dilantik sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, pegawai yang diberi kebenaran secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk memandu Kenderaan Jabatan atau pemandu yang dilantik sendiri oleh ahli MMK atau pegawai kerajaan yang layak mendapat kemudahan Kereta Rasmi Jawatan dan Kereta Khas Jawatan;
  - 3.1.8 "Tugas Rasmi" ialah tugas yang berkaitan dengan fungsi Jabatan dan tugas lain yang berkaitan dengan pejabat termasuk yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa; dan

3.1.9 "Kad Inden" ialah kad elektronik yang digunakan untuk membuat transaksi bekalan bahan api kenderaan.

#### **4. PEGAWAI YANG LAYAK DIBEKALKAN KENDERAAN**

4.1 Pegawai yang layak dibekalkan kenderaan kerajaan adalah seperti berikut:

##### **4.1.1 Kereta Rasmi Jawatan**

- i. Ahli MMK;
- ii. Pegawai Kerajaan yang menjadi Ahli Ex-Officio Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri;
- iii. Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama/ Khas C dan ke atas atau yang setaraf termasuk Ketua-Ketua Jabatan Gred Utama/ Khas C dan ke atas; dan
- iv. Pegawai Kontrak/ Pinjaman yang dilantik secara kontrak atau pinjaman Gred Utama/ Khas C dan ke atas atau setaraf tertakluk kepada terma lantikan kontrak atau pinjaman.

##### **4.1.2 Kereta Khas Jawatan**

- i. Ketua-Ketua Jabatan Gred 54 di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang.

##### **4.1.3 Kereta Khas Pegawai**

Kereta yang diperuntukkan khas kepada pegawai yang diberikan kelulusan khas oleh Pihak Berkuasa Negeri;

- i. Kategori Pegawai Gred 54 yang bukan Ketua Jabatan;
- ii. Kategori Ketua Jabatan selain daripada Gred 54 di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang; dan
- iii. Semua Pegawai Hal Ehwal Islam (Qadhi), Hakim Mahkamah Syariah, Ketua Pendaftar serta pegawai-pegawai lain yang diberikan kelulusan khas oleh Pihak Berkuasa Negeri.

- 4.2 Setiap kenderaan akan dibekalkan dengan Kad Inden bahan api dan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit untuk kegunaan pegawai.
- 4.3 Buku Log Kenderaan pula dibekalkan bertujuan untuk mengawal dan memantau penggunaan kenderaan dan bahan api. Pemandu bertanggungjawab mengemaskini Buku Log bagi Kereta Rasmi Jawatan dan Kereta Khas Jawatan. Bagi Kereta Khas Pegawai pula, pegawai yang memandu kereta tersebut perlu mengemaskini butiran pada Buku Log.

## 5. JENIS KENDERAAN

- 5.1 Kenderaan yang ditetapkan sebagai Kereta Rasmi Jawatan, Kereta Khas Jawatan dan Kereta Khas Pegawai adalah seperti berikut:

### 5.1.1 Kereta Rasmi Jawatan

#### a) Kenderaan Segmen D

Ahli MMK (termasuk Ahli “*Ex-Officio*”);

#### b) Kenderaan Nasional Segmen D/ Segmen J

- i. Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama/ Khas C dan ke atas atau yang setaraf termasuk Ketua-Ketua Jabatan Gred Utama/ Khas C dan ke atas; dan
- ii. Pegawai Kontrak/ Pinjaman yang dilantik secara kontrak atau pinjaman Gred Utama/ Khas C dan ke atas atau setaraf tertakluk kepada terma lantikan kontrak atau pinjaman.

### 5.1.2 Kereta Khas Jawatan

#### a) Kenderaan Nasional Segmen C/ Segmen J

Ketua-Ketua Jabatan Gred 54 di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang.

(harga dan spesifikasi kenderaan **Segmen J** mestilah lebih rendah daripada kategori pegawai di para 5.1.1 b) di atas).

### **5.1.3 Kereta Khas Pegawai**

#### **a) Kenderaan Nasional Segmen C/ Segmen J**

- i. Pegawai Gred 54 yang bukan Ketua Jabatan yang diberikan kelulusan khas oleh Pihak Berkuasa Negeri; (harga dan spesifikasi kenderaan **Segmen C/J** mestilah lebih rendah daripada kategori pegawai di para 5.1.2 a) di atas).
- ii. Ketua Jabatan selain daripada Gred 54 di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang. (harga dan spesifikasi kenderaan Segmen C/J mestilah lebih rendah daripada kategori pegawai di para a) i. di atas).

#### **b) Kenderaan Nasional Segmen B (Premium)**

Semua Pegawai Hal Ehwal Islam (Qadhi), Hakim Mahkamah Syariah, Ketua Pendaftar serta pegawai-pegawai lain yang diberikan kelulusan khas oleh Pihak Berkuasa Negeri.

## **6. KEMUDAHAN PEMANDU**

- 6.1 Kelayakan kemudahan pemandu adalah bagi Ahli MMK, Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama/ Khas C dan ke atas atau yang setaraf dan Ketua Jabatan Gred 54 di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang.

## **7. BEKALAN BAHAN API KENDERAAN**

- 7.1 Kenderaan Kerajaan hendaklah menggunakan bekalan bahan api yang lebih menjimatkan seperti berikut:

### **7.1.1 Kereta Rasmi Jawatan**

#### **a) Ahli MMK termasuk Ahli “*Ex-Officio*”**

Penggunaan bahan api untuk tujuan rasmi dan persendirian adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan tanpa had.

**b) Ketua-Ketua Jabatan Gred Utama/ Khas C dan ke atas**

Penggunaan bahan api untuk tujuan rasmi termasuk perjalanan pergi dan balik ke rumah pegawai adalah tanpa had nilai. Bagi tujuan persendirian, penggunaan bahan api adalah ditanggung oleh pegawai.

**7.1.2 Kereta Khas Jawatan**

**a) Ketua-Ketua Jabatan Gred 54 di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang**

Penggunaan bahan api untuk tujuan rasmi termasuk perjalanan pergi dan balik ke rumah pegawai adalah tanpa had nilai. Bagi tujuan persendirian, penggunaan bahan api adalah ditanggung oleh pegawai.

**7.1.3 Kereta Khas Pegawai**

- a)** Pegawai Gred 54 yang bukan Ketua Jabatan yang diberikan kelulusan khas oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- b)** Ketua Jabatan selain daripada Gred 54 di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang; dan
- c)** Semua Pegawai Hal Ehwal Islam (Qadhi), Hakim Mahkamah Syariah, Ketua Pendaftar serta pegawai-pegawai lain yang diberikan kelulusan khas oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Penggunaan bahan api untuk tujuan rasmi termasuk perjalanan pergi dan balik ke rumah pegawai adalah tanpa had nilai. Bagi tujuan persendirian, penggunaan bahan api adalah ditanggung oleh pegawai.

**8. PENGURUSAN KENDERAAN**

- 8.1 Pengurusan kenderaan yang merangkumi aspek penggunaan, kehilangan dan pelupusan kenderaan, tanggungjawab Pegawai Kenderaan dan pemandu, kesalahan lalulintas dan insurans serta perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan dalam pekeliling ini adalah selaras dengan **Pekeliling Perbendaharaan WP 4 Pengurusan Kenderaan Kerajaan**.

- 8.2 Bagi penyenggaraan pemberian bermula RM10,000.00 dan ke atas, kelulusan Pegawai Kewangan Negeri adalah diperlukan berserta ulasan oleh Cawangan Mekanikal, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pahang. Penyenggaraan selain yang dinyatakan adalah tertakluk kepada **Pekeliling Perbendaharaan WP 4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan** dan tidak memerlukan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

## 9. PEROLEHAN KENDERAAN

- 9.1 Perolehan Kereta Rasmi Jawatan dan Kereta Khas Jawatan akan diuruskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang selaras dengan tatacara perolehan yang berkuat kuasa.
- 9.2 Perolehan Kereta Khas Pegawai dan kenderaan jabatan pula akan diuruskan oleh jabatan dengan syarat peruntukan semasa adalah mencukupi.

## 10. TARIKH KUATKUASA

- 10.1 Pemakaian surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan seterusnya membantalkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bilangan 1 Tahun 2019.

[DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP.]  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR.

Rujukan : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 3( 2 )

Bertarikh: 14 April 2023